#bhSG50

Seorang penyanyi generasi baru yang terkenal dengan suara serak basahnya. Seorang lagi penyanyi veteran, namun suara lunak merdunya masih lagi diminati ramai. Cinta pada muzik bagi pasangan bapa dan anak, R. Ismail dan Eiss, begitu mendalam. Malah, kedua-duanya mempunyai sejarah menceburi bidang nyanyian yang agak sama. Mereka bernyanyi sejak kecil lagi, iaitu dalam majlis perkahwinan, dan kemudian menyertai pertandingan menyanyi sebelum menjadi penyanyi profesional. 'Berita Harian' berpeluang menyelongkar kisah pahit manis pasangan bapa dan anak itu menyusuri kerjaya dalam bidang muzik dalam satu pertemuan baru-baru ini. Ikuti kisah mereka seperti dilaporkan **IRMA KAMARUDIN** *(irmak@sph.com.sg).*

Gembira dengar lagu tempatan di radio ...



EISS pernah bermimpi bertemu penyanyi Malaysia, Dato' Siti Nurhaliza.

Dalam mimpinya itu, beliau seolah-olah berkawan rapat dengan Dato' Siti.

Namun, tanpa diduga dua minggu kemudian, pemenang pertandingan menyanyi *SG Mania* itu menerima panggilan menjemput beliau membuat persembahan pembukaan konsert Dato' Siti.

"Ia satu mimpi yang tidak dapat dilupakan. (Tapi) Saya tak beritahunya tentang mimpi saya itu," kata Eiss, sambil menambah bahawa beliau menyanyikan beberapa lagu bagi pembukaan konsert Dato' Siti pada 2005.

Eiss, yang nama sebenarnya Iskandar Ismail, 37 tahun, dan bapanya, R. Ismail, mengimbas kembali perjalanan mereka dalam dunia muzik ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Eiss, beliau giat menyanyi sejak berusia sekitar tujuh tahun bersama ibu bapanya.

"Ibu bapa saya dahulu menyanyi dalam majlis perkahwinan. Mereka dulu ada pancaragam sendiri. Daripada kecil lagi saya dah belajar menyanyi di khalayak ramai. Saya dan Elfee (adiknya) sama-sama nyanyi lagu La Bamba," cerita Eiss.

Beliau belajar menyanyi lagu dondang sayang daripada bapanya dengan mengikut alunan tangan bapanya.

Semasa usianya lapan tahun, beliau menyanyikan lagu dondang sayang dalam satu rancangan televisyen bangsawan kanak-kanak.

Namun semasa remajanya, minat menyanyi semakin pudar apabila beliau menemui 'cinta' baru – tarian *hip hop* dan *RnB.*

Cinta pada bidang nyanyian kembali berputik semasa beliau menjalani Perkhidmatan Negara (NS).

"Saya mula berkaraoke di rumah. Ketika itu, ibu saya menang satu pertandingan dan dapat hadiah set karaoke. Abah saya berkata saya patut masuk pertandingan menyanyi. Ketika itu, saya rasa malu tapi ibu bapa saya menggalak saya," katanya.

Beliau muncul juara dalam pertandingan menyanyi pertama yang disertainya semasa berusia 19 tahun, yang dianjurkan sebuah kelab.

Setelah itu, beliau menyertai pertandingan *Anugerah* pada 2001 dan memenangi tempat kedua.

Eiss kemudian berpeluang membuat rakaman *single* pertamanya bertajuk *Adakah Mungkin,* dan album mini pada 2004.

Beliau juga mewakili Singapura dalam Festival Muzik Asia Shanghai – pentas antarabangsanya yang pertama – dan menduduki tempat ketiga.

Beliau melancarkan album keduanya pada 2005 dan merakamkan duet bersama Eka Mairina – pemenang Anugerah 2003 – berjudul *Cinta Abadi.*

Menyentuh tentang industri muzik Singapura, penyanyi itu berkata beliau berasa gembira kerana sekarang banyak lagu tempatan dapat didengar menerusi radio.

"Mereka banyak menolong bakat dan artis tempatan. Ia satu penghargaan," katanya.

Eiss juga berkata penting bagi semua penyanyi Singapura bekerjasama demi memperkukuh industri muzik tempatan.

"Industri muzik Singapura sangat kecil. Kita kenal satu sama lain. Baik bagi kita semua jika kita kerja bersama, tiada iri hati terhadap satu sama lain.

"Saya rasa zaman dah banyak berubah. Dulu agak sukar tapi sekarang kita dah bermula bekerja bersama. Ia tidak mudah dan memerlukan masa kerana setiap orang mempunyai tumpuan dan arah sendiri," tambahnya.

BAPA BOREK ANAK RINTIK: Eiss, yang telah bernyanyi sejak kecil lagi, berkata beliau belajar bernyanyi daripada ibu bapa. — Foto JOHARI RAHMAT

> **"Banyak perkara yang saya pelajari dalam dunia muzik, tentunya ada jatuh bangunnya. Saya belajar daripada kesilapan dan memperbaiki kekurangan. Ibu bapa saya penting bagi saya kerana mereka banyak beri nasihat kepada saya sebagai seorang anak dan penyanyi. Hingga sekarang, jika saya nyanyi salah, mereka akan tegur."**

MUZIK MENGALIR DALAM DARAH: (Dari kiri) Eiss, R.Ismail dan Elfee sama-sama minat menyanyi dan pernah membuat persembahan bersama. — Foto MEDIACORP

SEKILAS ACARA SG50

Chingay 2015
Acara Chingay tahun ini akan diadakan pada 27 Februari.

SG50 Concert Series in the Park
Sebanyak enam konsert, yang akan menampilkan bakat setempat dan kumpulan masyarakat, akan diadakan di serata negara, termasuk Kebun Bunga dan Gardens by the Bay sepanjang tahun ini.

Youth Celebrate!
Acara ini akan menampilkan bakat dan pencapaian belia dalam sukan, pasukan berseragam dan persembahan seni. Ia akan diadakan di Hab Sukan Singapura pada 26 Julai.

layari laman

www.singapore50.sg untuk maklumat lanjut.

Suaranya masih menjadi halwa telinga peminat

Anak Cina pasang lukah,
Lukah dipasang di Tanjung Jati.
Di dalam hati tidak kulupa,
Sebagai rambut bersimpul mati.

Seperti seni kata di atas dalam lagu malar segar *Gurindam Jiwa*, penyanyinya – R. Ismail – juga tidak dilupakan hingga sekarang, malah masih diminati ramai.

Pada usia 78 tahun, penyanyi generasi perintis itu masih giat menyanyi dan diundang ke pelbagai acara di Singapura ataupun Malaysia.

"Saya mula bernyanyi pada 1950, 1951. Ketika itu, umur saya baru awal belasan tahun," cerita R. Ismail ketika ditemui Isnin lalu.

Suara beliau banyak digunakan bagi lagu dalam filem, termasuk *Gurindam Jiwa*, yang dinyanyikan bersama Allahyarhamha Rafeah Buang dalam filem bertajuk sama lakonan Allahyarham Nordin Ahmad dan Allahyarhamha Latifah Omar.

Darah seni nyanyian mengalir dalam diri R. Ismail, yang nama sebenarnya Ismail Abdul Rahman, dan keluarganya.

Bapanya, A. Rahman, penyanyi popular pada zaman 1940-an hingga 1950-an.

Kini, dua anak R. Ismail – Eiss dan Elfee – juga penyanyi terkenal di Singapura.

Sejak kecil R. Ismail sudah sibuk menyanyi dalam majlis perkahwinan bersama pancaragam bapanya, Rahman Kencanawati.

Pada sekitar 1953, beliau mula bernyanyi bagi program Melayu Radio Malaya.

"Ketika saya menyanyi masa itu, ayah saya menegur saya: 'Kalau menyanyi jangan buat salah. Kalau salah pun, teruskan saja pasal kita on air.' Itu yang buat saya berani menyanyi.

"Masa itu, saya menyanyi belum profesional. Dia (ayah) main biola. Masa itu, apabila dah sampai masanya (saya menyanyi), dia angguk kepala dia, jadi saya terus nyanyi. Daripada situ, saya belajar daripadanya," kata datuk tiga cucu itu.

R. Ismail menyertai pertandingan menyanyi anjuran Sriwana pada usia 18 tahun dan muncul sebagai naib juara.

Beliau kemudian menyertai pertandingan menyanyi tahun demi tahun.

Peluang R. Ismail menceburi bidang nyanyian bagi filem Melayu datang setelah beliau menyertai satu pertandingan yang diadili Allahyarham Zubir Said, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan Allahyarham Wandly Yazid pada 1958.

Beliau disuruh Allahyarham Zubir datang ke rumahnya di Joo Chiat Lane untuk berlatih menyanyi bagi sebuah lagu yang telah disiapkan untuk sebuah filem.

"Pertama sekali, ia filem *Puteri Gunung Ledang.* Heronya S. Rosli. Dia gunakan suara saya," katanya.

Antara pelakon lain yang menggunakan suara beliau ialah Allahyarham Datuk Mustapha Maarof dan Tan Sri Jins Shamsuddin.

Sehingga hari ini, R. Ismail, yang menetap di Kuala Lumpur tetapi berulang-alik ke Singapura, masih diundang menyanyikan lagu-lagu malar segarnya.

"Lagu-lagu filem tak akan hilang ditelan zaman. Selagi ia dimainkan di televisyen atau di mana-mana, kita masih lagi diundang (untuk menyanyi).

"Sekarang, lagu-lagu zaman saya susah nak naik lagi, tapi masih ada lagi orang ingat. Zaman semakin moden, anak saya semua dah dikira generasi baru, namun lagu kenangan lama tak akan hilang.

"Sekali-sekali apabila ia dimainkan, rasa terpegun juga mendengarnya. Kadangkala semasa saya ada persembahan, orang nak dengar lagu-lagu filem. Apabila kita nyanyikannya, orang dengar pun sedap," katanya.

KELUARGA MUZIK: Seluruh keluarga R. Ismail dan anak-anaknya, termasuk Eiss, sememangnya minat dengan muzik. — Foto JOHARI RAHMAT

KUIZ #bhsg50

MENANGI!
Beg goodie SG50 yang mengandungi sehelai beg tote, sebuah lencana, sekeping pelekat logo SG50 dan set kalendar.

Mudah sahaja!
Jawab soalan berikut dan hantarkan jawapan anda kepada **bhsg50@sph.com.sg**. Sertakan butir peribadi anda iaitu nama, usia, alamat dan nombor telefon.

SOALAN

Namakan dua judul lagu Eiss.

Tarikh tutup: 14 Februari 2015

Syarat:
- Keputusan pihak *Berita Harian* adalah muktamad.
- Setiap pembaca hanya boleh menjawab sekali sahaja.

SG 50

Grafik NUR AMANINA ISMAIL & HAZAMI HAMIDON